

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia



DATIN Seri Dr Siti Hasmah (kanan) menyampaikan pingat jasa bakti kepada salah seorang dari 23 ahli Pandu Puteri, semalam

## Kursus kepemimpinan penting untuk tokoh2 Pandu Puteri

KUALA LUMPUR, Rabu — Datin Seri Dr Siti Hasmah, Presiden Persatuan Pandu Puteri, menegaskan tentang pentingnya kursus kepemimpinan kepada pemimpin-pemimpin Pandu Puteri.

Unsur-unsur kepemimpinan, katanya ketika merasmikan mesyuarat Majlis Tahunan, Persatuan Pandu Puteri di Wisma Pandu Puteri, adalah perlu bagi setiap pemimpin pandu puteri, kerana merekalah yang akan memimpin anak-anak perempuan dari peringkat rendah sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.

"Mereka jugalah yang akan dapat memimpin anak-anak dalam memilih antara baik dan yang cemar," katanya.

Mutu kepanduan katanya harus diutamakan

dan dengan adanya latihan dan kursus akan dapat meningkatkan lagi mutu kepanduan itu di kalangan ahli-ahli.

Untuk mencapai peningkatan ini menurut Datin Seri Dr Siti Hasmah, persatuan itu haruslah berusaha mengadakan jurulatih-jurulatih bertauliah serta menghantar pemimpin-pemimpin muda berkursus di luar negeri dan mengadakan lebih banyak seminar dan forum.

Presiden persatuan itu seterusnya menegaskan, **P e s u r u h j a y a - P e s u r u h j a y a** Pandu Puteri bertanggungjawab menjalankan semua kegiatan persatuan itu dengan lancar.

Mereka, katanya, haruslah selalu berhubung dengan pihak Ibu pejabat untuk memberi laporan perkembangan kegiatan

mereka dari masa ke semasa.

Mereka juga, tambah beliau, bertanggungjawab mewujudkan perhubungan di semua peringkat dan hal ini amatlah perlu.

Beliau memuji usaha persatuan itu mengadakan Berita Pandu Puteri yang diusahakan sejak tiga tahun lalu dan berharap ia dapat disebarkan ke peringkat antarabangsa.

Terdahulu dari itu, Ketua Pesuruhjaya persatuan itu, Puan Hajah Hendon Haji Din, dalam ucapannya mengingkatkan para ahli supaya jangan menggunakan persatuan itu untuk kepentingan diri.

"Borilah peluang kepada mereka yang muda untuk memimpin kerana kita perlukan semangat dan tenaga orang-orang muda," katanya.